

04/03/1997

Malaysia sedia bantu bekas tentera Bosnia

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia sedia membantu menangani masalah bekas tentera Bosnia menerokai bidang perniagaan terutama dalam industri kecil dan sederhana (IKS) di negara itu.

Berikutan itu, Malaysia bersedia menghantar rombongan pegawai Unit Perancang Ekonomi (EPU) ke Bosnia untuk meneliti bidang yang sesuai bagi mewujudkan pekerjaan kepada bekas tentera negara itu, berikutan tamatnya perang di rantau Balkan itu dua tahun lalu.

Perkara itu dipersetujui dalam mesyuarat antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya dari Republik Croatia, Zlatko Matesa serta 13 anggota rombongannya di Jabatan Perdana Menteri, di sini pagi ini.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas mesyuarat itu, Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata Dr Mahathir bersetuju menghantar pegawai EPU selepas Matesa membangkitkan isu bekas pejuang Bosnia yang kebanyakannya menganggur dan dikhuatiri menimbulkan masalah sosial jika terus dibiarkan tanpa sebarang pekerjaan.

Katanya, Matesa mencadangkan Malaysia yang mempunyai pengalaman dalam bidang mewujudkan perniagaan terutama IKS membantu Bosnia menangani masalah bekas tenteranya.

Abdullah berkata, Malaysia dan Croatia juga bersetuju menjadikan sektor penjaan kuasa, pembinaan kapal dan binaan sebagai asas kerjasama ekonomi kedua-dua negara.

Katanya, kedua-dua negara mempunyai pengalaman dalam bidang berpotensi itu. Syarikat usaha sama itu boleh menyertai pelbagai projek dalam sektor itu di Malaysia atau Croatia.

Sebelum ini, katanya, ada persetujuan supaya Malaysia, Bosnia dan Croatia bekerjasama dalam beberapa projek binaan membangunkan semula Bosnia tetapi ia tidak dapat dilaksanakan.

"Sehubungan itu, kedua-dua Perdana Menteri bersetuju usaha dilakukan untuk menggerakkan semula usaha sama ketiga-tiga pihak itu dalam projek yang dikenal pasti.

"Syarikat kedua-dua negara akan diminta melaksanakan projek tertentu bagi memastikan persetujuan yang dicapai sebelum ini memberi hasil," katanya.

Kegagalan menggerakkan persetujuan itu, katanya, disebabkan syarikat Malaysia begitu aktif menyertai projek dan pelaburan di negara lain.

"Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, beliau akan terus menggalakkan syarikat Malaysia ke Croatia untuk mengambil bahagian lebih aktif dalam bidang perniagaan, perdagangan dan industri.

"Ini untuk memastikan syarikat usaha sama tiga negara itu, berjaya," katanya.

Dalam mesyuarat itu, Matesa turut memberi laluan kepada sebuah syarikat penerbangan Malaysia iaitu Air Asia, mendarat di Zagreb.

Turut serta dalam rombongan Matesa ialah Menteri Ekonomi, Davor Stren; Menteri Pelancongan, Niko Bulic; Menteri Hal-Ehwal Maritim, Pengangkutan dan Komunikasi, Zeljko Luzavec; Presiden Dewan Perniagaan Croatia, Nadan Vidosevic dan Duta Republik Croatia di ibu negara, Damir Perincic.

Naib Menteri Hal-Ehwal Luar, France Krnic; Naib Menteri Ekonomi, Slavko Begic; Setiausaha Kabinet Perdana Menteri, Andreja Ribaric; Konselor Kepada Perdana Menteri, Dolores Mijatovic; Pengurus Besar INA, Andrija Kojakovic; Pengurus Besar Croatia Shipbuilding, Ante Baucic; Pengurus

Besar Koncar-Electro Industry, Vjekoslav Srb; dan Konselor Ekonomi Kedutaan Republik Croatia di ibu negara, Zarko Petrak.

Selain Abdullah, deligasi Malaysia diwakili Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik.

Turut hadir ialah Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad, Datuk Dr Tajuddin Ali dan Pengarah Urusan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC), Ariffin Alias.

(END)